



Ruj. Kam: ANM.NS.600-2/6/3 (04)
Tarikh : 07 April 2022

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Kewangan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PENYEDIAAN PENYESUAIAN BAKI ASET ALIH SECARA SUKUAN TAHUN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Arahan Operasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan Bil.1 Tahun 2021: Senarai Semak Pemantauan (Bulanan) Operasi Pusat Tanggungjawab(PTJ) bertarikh 22 Januari 2021 dan surat daripada Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia, rujukan JANM.BPOPA.600-1/4/1 (19) adalah bertarikh 16 Mac 2021 adalah berkaitan.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, aset alih di dalam sistem iGFMS diperakaunkan berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Polisi Perakaunan Akruan yang berkuatkuasa, manakala Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) direkodkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan. Sehubungan itu, bagi memastikan pelaksanaan perakaunan aset dan inventori Kerajaan Persekutuan mematuhi *standard* dan polisi yang ditetapkan, terdapat tindakan yang perlu dilaksanakan oleh PTJ seperti berikut:

2.1 Penyediaan Penyesuaian Baki Aset Alih

- i. Pusat Tanggungjawab (PTJ Dipertanggung) hendaklah mengisi Template Penyesuaian Baki Aset Alih berpandukan Tatacara Penyesuaian Baki Aset Alih – Muat turun Laporan Aset iGFMS dan SPPA seperti dilampirkan;
- ii. Menyedia dan mengemukakan Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan.

3. Mohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk mengemukakan Penyesuaian Baki Aset Alih secara *softcopy* melalui emel ns_aset@anm.gov.my selewat-lewatnya pada **11 April 2022 (Isnin) jam 4.00 petang**. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini boleh menghubungi:

- i. Puan Shahaniza (shahaniza.zin@anm.gov.my) – 06 7686860
- ii. Puan Zuraiha (zuraiha.zaki@anm.gov.my) – 06 7686860
- iii. Puan Hasnida (hasnida.ibrahim@anm.gov.my) – 06 7686864

ANM.NS.600-2/6/3 (04)

4. Bersama-sama ini disertakan lampiran seperti di bawah untuk rujukan dan tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

4.1 Tatacara Penyediaan Penyesuaian Baki Aset Alih dan Pemantauan Aset Dalam Pembinaan (AUC)

4.2 Template Penyesuaian Aset Alih SPPA iGFMAS

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(HALIZATUL SAFIZAH BINTI ABDUL SEMAT C.A. (M))

b.p Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

NSB SHARE 04/UPA/9/TAHUN 2022